Seretkan jawapan dalam ruangan yang disediakan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| singgah | tasik | aktiviti | luas |
| keindahan | ditabur | ruang | |

**Edit dan murnikan petikan dari aspek penggunaan kata.**

Pada setiap hujung minggu, ibu bapa Alia **memimpin** dia dan adiknya pergi ke Taman Tasik Shah Alam. Mereka akan berjoging sambil menikmati **keelokan** alam.

Taman tasik itu agak **besar** dan dijaga dengan baik. Pelbagai **benda** riadah boleh dilakukan di taman tasik itu. Ada pengunjung yang bersenam, berbasikal, berkayak dan berkelah dengan keluarga.

Di taman tasik itu juga disediakan **tempat** permainan untuk kanak-kanak. Selepas berjoging, Alia dan adiknya akan bermain di situ. Sambil bermain, Alia akan berkenalan dengan kanak-kanak lain di situ.

Kadangkala, Alia dan adiknya akan memberi ikan di dalam **laut** itu makan roti. Mereka gembira melihat ikan-ikan berebut untuk makan roti yang **disiram**.

Kebiasaannya mereka akan menghabiskan masa selama dua jam di taman tasik itu. Kemudian, ibu bapa Alia akan **lalu** di kedai makan sebelum pulang ke rumah.

| Penggunaan kata yang tidak tepat | Penggunaan kata yang tepat | Penggunaan kata yang tidak tepat | Penggunaan kata yang tepat |
|---|---|---|---|
| 1. memimpin | membawa | 5. tempat | |
| 2. keelokan | | 6. laut | |
| 3. besar | | 7. disiram | |
| 4. benda | | 8. lalu | |

LIVEWORKSHEETS